

Saturday, July 30, 2022

KEJOHANAN PENCAK SILAT SELAMA KE-19

# Tersingkir, tapi Ferdous tekad tidak mengaku kalah



**SUKAR TERIMA HAKIKAT:** Pelekat Ferdous selepas ketalahannya dalam pusingan peringkat acara tanding putra Keas 6 (75-80kg) di Kejoanan Pencak Silat Dunia 2022 pada Selasa lalu. - Foto SIA KIAN TECK/PERSISI

➤ **ZULAIKHA AEDUL RAHIM**  
zulaikha@poh.com.sg  
Dari Malaka

BERAT mata merandang, berat lagi bahu yang memikul.

Sasarannya Silek Ferdous Sheik Alau'ddin di Kejoanan Pencak Silat Dunia ke-19 ini jelas - untuk pulang ke tanah air dengan pingat emas terkandung di lehernya.

Namun, impian Ferdous, 26 tahun itu memuati selepas beliau tumbang di peringkat cartergan acara tanding potera Kelas G (75-80 kg) pada Selasa lalu.

Beliau tewas 17-24 kepada pesilat dari Indonesia 1 Kadek Wahyu RG di gelanggang di Pusat Dagangan Antarabangsa Melaka (MTC).

Kekalahannya itu mungkin lebih perit, kerana Ferdous ialah juara dunia bagi kelas 1 (85-90kg), yang dimenanginya semasa Singapura menjadi hos kejoanan dunia pada 2018.

"Saya masih belum menerima lukat kekalahan ini," kata Ferdous.

"Tiada kekesalan. Tapi, saya rasa kecewa dan hampa, bukan dengan diri saya sendiri, tapi dengan perkara yang berlaku luar daripada kawalan saya," kata beliau semasa ditemui Berita Harian kurang 24 jam selepas perlawanan itu.

Antara insiden di gelanggang yang masih menghangatnya ialah apabila be-

liau dibenkan pualat kerana didakwa menendang muka lawan.

Keputusan wasit (pengadil dalam gelanggang) dan juri (penetapan marakah) bermakna Ferdous, yang telah mendahului sebahagian besar perlawanan, dipotong 15 mata - lima mata bagi amaran pertama dan 10 mata bagi amaran kedua - menyebabkan beliau ketinggalan mengikut kiran mata.

Menyusuli itu, beberapa tendangan dan aksi menganduk lawan yang dilaksanakan Ferdous turut tidak dibenarkan mata oleh wasit dan juri.

Bantuan jurulatihnya yang diujikan kepada pesilatnya yang boleh meneliti rakaman video juga tidak berjaya membalikkan keputusan itu.

Ferdous, yang mengagap dirinya "terang" semasa perlawanan itu, menambahkan:

"Saya sudah melakukan yang terbaik. Pastinya, saya berharap dapat membawa pulang pingat emas sebab telah bermati-matian berlatih."

"Banyak kekalahan yang saya alami tahun ini, dalam Kejoanan Pencak Silat Asia Tenggara dan beberapa bulan kemudian dalam Sukan SEA." Bagi Kejoanan Pencak Silat Asia Tenggara di Singapura pada Februari lalu, Ferdous, yang beberapa minggu sebelumnya ditimpa kecederaan lutut, hanya mampu meraih gangsa.

Beliau kemudian berjaya ke final Sukan SEA di Hanoi, Vietnam pada

Mei lalu tetapi terpaksa berguap hati dengan pingat perak tanpa berada kerana terpaksa menuruti nasihat pasukan perubatan.

Ferdous mengalami kecederaan di di kepala pada peringkat separuh akhir dan pasukan perubatan telah menggerak langkah berjaga-jaga untuk melindunginya.

"La mengecewakan untuk melihat usaha selama ini berakhir seperti ini," ujar Ferdous, yang juga akur kehilangan salah seorang jurulatih pasukan silat Singapura, Mischammad Ichsan Nur Romadhon, yang tewas dalam kemalangan jalan raya di Bali juga meninggalkan kesan mendalam terhadap dirinya.

Best masa ini, beliau merancang untuk berehat seketika dan pulih sepenuhnya setelah mengharungi tempoh pertandingan yang padat bagi sepele pertama tahun ini.

Menyusuli itu, beliau akan kembali ke gelanggang latihan, dengan Sukan SEA menjelang pada tahun depan.

Ferdous berkata beliau masih berazam untuk meraih pingat emas di kejoanan dunia yang akan datang.

"Kekalahan ini mengajar saya supaya berlatih lebih gigih," kata Ferdous.

"Jika saya menjadi pesilat yang lebih baik, saya akan tetap menang walaupun ada ada keputusan yang tidak berpuak kepada saya."